

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
02 OGOS 2018**

**PERKARA : 4(B)(II)26**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN JAWI  
YB. H'NG MOOI LYE**

26. Adakah rancangan Jabatan Kerja Raya (JKR) untuk membuka satu jalan dari Persimpangan Tol Jawi ke Batu Kawan ?
- (a) Adakah pelebaran jalan di Jalan Persekutuan Sungai Jawi di bawah jejambat lebuhraya dirancang? Kawasan tersebut merupakan *bottleneck* bagi aliran trafik.

**YB. ZAIRIL KHIR JOHARI  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

26. Pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) telah mempunyai perancangan untuk membina dan menaik taraf jalan dari Jawi ke Batu Kawan dan peruntukan cadangan ini telah dimohon di bawah RMK-11, Rolling Plan 4 (RP4). Namun begitu, projek ini tidak tersenarai dalam kelulusan RMK-11, RP4.
- (a) Pelebaran Jalan Persekutuan 1 di bawah lebuhraya terlibat yang *bottleneck* telah pun dirancang dalam Fasa 6 Projek Naiktaraf Laluan Persekutuan FT001 Permatang Keling ke Simpang Empat, Seberang Perai Selatan. Pada masa ini projek ini sedang menunggu kelulusan untuk pelaksanaan.